

24 FEB 1999

AGONG HANTAR UCAP TAHNIAH KEPADA AMIR KUWAIT

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mengutus ucapan tahniah kepada Amir Kuwait, Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Sabah sempena hari kebangsaan Kuwait, esok.

Dalam perutusan yang dikeluarkan melalui Kementerian Luar hari ini, Tuanku Ja'afar berharap Allah akan mengurniakan Amir dengan kesihatan yang baik dan berada dalam kegembiraan.

Seri Paduka juga berharap Kuwait terus aman, maju dan makmur di bawah pemerintahan Sheikh Jaber.

"Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah turut mengucapkan salam persaudaraan dan selamat maju jaya kepada Amir dan rakyat Kuwait," titah Tuanku Jaafar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirim perutusan yang serupa kepada Tengku Mahkota dan Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Saad Al-Abdullah Al-Salem Al-Sabah.

Beliau berharap kerajaan Malaysia dan Kuwait akan terus meningkatkan kerjasama dalam bidang yang disertai sekarang selain meneroka bidang baru demi kebaikan rakyat kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusannya kepada Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Luar Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah berkata bahawa beliau yakin hubungan rapat dan kerjasama antara kedua-dua negara akan terus meningkat dalam beberapa tahun akan datang.

-- BERNAMA

RA AHH LAT